

12 AUG 2003

LAPORAN KHAS "BANGSAKU BERMARUAH" DITETAPKAN WAKTU SIARANNYA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Laporan khas mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk "Bangsaku Bermaruah" kini ditetapkan waktu siarannya bagi memudahkan penonton mengikutinya.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin berkata laporan khas itu akan disiarkan pada pukul 8.30 malam, selepas segmen Seni dan Budaya dalam Berita Perdana TV1.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, beliau berkata laporan khas itu juga akan disiarkan pada pukul 6.10 petang semasa siaran News On 1, pada 8.05 malam semasa Berita Mandarin dan 8.30 malam semasa Berita Tamil di TV2.

Katanya, siri laporan khas yang bertujuan mengimbuu semula jejak-jejak Dr Mahathir sejak dilantik sebagai Perdana Menteri itu akan disiarkan setiap malam selama kira-kira tiga bulan.

"Laporan khas ini amat berfaedah untuk generasi muda bagi mengenali dan memahami jasa dan pengorbanan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

-- BERNAMA

MUN RV MOZ